



# RM7 juta atasi banjir di Batu Pahat

Peruntukan itu membabitkan pembelian pam air berkuasa tinggi bernilai RM5 juta dan penggalian parit serta saliran RM2 juta

Oleh NOR AZURA MD AMIN  
BATU PAHAT

**K**erajaan meluluskan peruntukan segera sebanyak RM7 juta bagi mengatasi masalah banjir termenung yang sering melanda daerah ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, peruntukan tersebut membabitkan pembelian pam air berkuasa tinggi bernilai RM5 juta dan penggalian parit serta saliran sebanyak RM2 juta.

Katanya, kedua-dua usaha tersebut akan dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

"Di kawasan tertentu terdapat titi yang tidak mempunyai *culvert*, menyebabkan air tidak dapat mengalir terutama di kawasan rendah sekaligus menyebabkan berlakunya banjir termenung.

"Kita lihat kaedah penyelesaian dengan menggunakan pam berkuasa tinggi yang akan ditentukan lokasi oleh JPS.

"Seterusnya, terdapat juga sampah dan lumpur yang menyebabkan



Ahmad Zahid menyerahkan replika kunci bot kepada wakil-wakil daerah di PPS Dewan Orang Ramai Sri Medan, Batu Pahat pada Selasa.

saliran dan parit tersebut tersumbat. Bagi menyelesaikan masalah ini, kerja-kerja mengorek parit akan dilakukan serta-merta," katanya selepas melawat mangsa banjir di Dewan Orang Ramai Sri Medan di sini pada Selasa.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, bagi permohonan projek jangka panjang iaitu rancangan tebatan banjir (RTB) di daerah ini berjumlah RM50 juta akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

"Sejak luruhan hujan bertambah, kita kini berada di gelombang banjir yang ketiga.

"Seramai 136,000 mangsa terjejas yang membabitkan 39,000 keluarga di seluruh negara terbabit dalam pemantauan dan koordinasi Jawatankuasa Bencana Daerah, negeri dan Pusat," ujarnya.

Sementara itu, Ahmad Zahid

berkata, kerajaan mengarahkan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menubuhkan satu rejimen atau pasukan pertahanan awam di kesemua 222 Parlimen seluruh negara.

Katanya, penubuhan rejimen itu sebagai langkah jangka masa panjang persediaan menghadapi bencana seperti banjir, kebakaran, kemalangan dan sebagainya.

Jelasnya, inisiatif itu akan dikoordinasi ke seluruh negara dan dijangka dimulakan pada tahun ini.

Dalam pada itu, menurut Ahmad Zahid, kerajaan bakal membina dewan kekal di sekolah-sekolah yang dijadikan PPS membabitkan kawasan sering dilanda banjir.

"Ia akan dimulakan di lapan sekolah di negeri membabitkan kawasan Mersing dan Batu Pahat, sebelum diperluaskan ke seluruh negara," ujar beliau.

FOTO: BERNAMA